

SALUTASI

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA MASUM 2023
8 OGOS 2023 (SELASA)
DEWAN PUSAT SUKAN UTeM

- 1. YANG BERBAHAGIA PROF. MADYA DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF**
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
MERANGKAP KETUA KONTIJEN UTeM
- 2. ENCIK MOHAMAD YUSOF BIN MOHAMAD DAN**
KETUA PENTADBIRAN
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
- 3. ENCIK AZHAR BIN MOHD SALLEH**
PENGARAH PUSAT SUKAN
MERANGKAP TIMBALAN KETUA KONTIJEN 1
- 4. SAUDARI NORMA BINTI BADRULHISHAM**
YDP MPP 2022/2023

BARISAN DEKAN DAN WAKIL FAKULTI

BARISAN ATLIT, PEGAWAI KONTINJEN UTeM, JURULATIH, PENGURUS-PENGURUS PASUKAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM W.B.T, SALAM SEJAHTERA
SALAM MALAYSIA MADANI
SALAM MELAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA MENGGAMIT DUNIA
SALAM UTeMKU SAYANG, MENJAJAR UNIVERSITI MELONJAK KE
HADAPAN

TEKS UCAPAN

YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA MASUM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8 Ogos 2023, Dewan Pusat Sukan, 8.30 Pagi

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurniaan dan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama di Dewan Pusat Sukan pada pagi yang indah ini bagi menjayakan Majlis Penyerahan Bendera MASUM 2023.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Sukan UTeM di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) di atas pengurusan atlit bagi penyertaan ke Karnival Sukan MASUM 2023. Saya telah dimaklumkan bahawa Karnival Sukan MASUM pada tahun ini di pecahkan kepada 2 fasa di mana fasa 1 akan dianjurkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan fasa 2 akan dianjurkan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Diharapkan UTeM akan dapat menerpa nama dan cemerlang dalam penyertaan Karnival Sukan MASUM pada tahun ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Sesungguhnya pihak Pengurusan Tertinggi Universiti sentiasa menyokong ke arah amalan gaya hidup sihat cergas terutamanya dalam kalangan keluarga TUAH UTeM. Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti juga sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan pembangunan atlet TUAH UTeM. UTeM melihat penyertaan staf dan juga pelajar bagi mewakili UTeM dalam pertandingan sukan sebagai satu pengorbanan dan memerlukan komitmen yang sangat tinggi.

4. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif dan bantuan telah dirancang dalam memberi sokongan dan dorongan kepada atlit-atlit yang mewakili UTeM. Antara yang telah dilakukan adalah dengan menghapuskan kategori sukan bagi tujuan penyediaan peruntukan ke pertandingan sukan. Sebelum ini setiap sukan telah dikategorikan dan hanya sukan-sukan tertentu sahaja mendapat tajaan penuh / separuh dari UTeM. Walaubagaimanapun, melihat kepada semangat kesukanan para atlit, UTeM telah menambahbaik polisi tersebut dan memberikan tajaan penuh kepada atlit tanpa mengira jenis sukan yang disertai.

5. Bukan itu sahaja, dasar sukan pelajar juga akan diperkemaskan lagi bagi memastikan segala perancangan dari aspek sukan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih teratur serta mampu menghasilkan atlet yang bertaraf kebangsaan seterusnya antarabangsa. Antaranya adalah dengan memastikan bakat-bakat berpotensi di peringkat sekolah dapat ditarik ke UTeM dan juga perancangan kejurulatihan yang berkualiti.

Hadirin sekalian,

6. Untuk makluman semua, jumlah kontijen UTeM yang menyertai Karnival Sukan MASUM pada tahun ini merupakan yang terbesar iaitu dengan kekuatan seramai 335 orang yang terdiri daripada 281 orang atlit, 21 orang jurulatih, 25 orang pengurus pasukan, 5 orang urusetia kontijen dan 8 orang urussetiapelajar.
7. Dengan berbekalkan moto ‘**Demi Lencana di Dada!! TUAH UTeM**’, UTeM mensasarkan pungutan pingat sebanyak 3 perak dan 10 gangsa. Walaubagaimanapun, saya mengharapkan jumlah pingat yang akan diperoleh adalah

lebih terutama bagi pingat emas. Antara sukan yang berpotensi bagi tujuan pungutan pingat adalah Pencak Silat, Taekwondo, sukan berbasikal, memanah, hoki, pétanque, catur dan karate. Dengan pungutan pingat ini juga, UTeM mensasarkan kedudukan 10 IPTA terbaik daripada 20 IPTA yang mengambil bahagian.

8. Saya juga telah dimaklumkan bahawa sukan yang akan disertai oleh atlit UTeM adalah:

Fasa 1

Bola Keranjang, Lawn Bowls, Bola Tampar, Bola Baling, Sofbol,
Memanah dan Takewondo

Fasa 2

Ragbi, Bola Jaring, Hoki, Petanque, Catur, Karate, Silat, dan
Basikal MTB.



Hadirin dan Hadirat yang Dihormati Sekalian,

9. Saya menyeru agar para atlet dan pegawai pasukan dapat mempamerkan aksi terbaik dan semangat juang yang tinggi di sepanjang Karnival Sukan MASUM 2023 ini disamping

dapat menjadi contoh dan menjaga nama baik UTeM di sepanjang kejohanan berlangsung. Semoga segala usaha rapi kita ini dapat mencipta kejayaan di Karnival Sukan MASUM 2023.



10. Akhir kata, Kita laung bersama-sama “Demi Lencana Di Dada!! TUAH UTeM!!”
11. Sekian, Terima kasih.